

21.11.2019

SIARAN MEDIA

GANJARAN TUNAI DARIPADA PBAPP UNTUK PENJIMATAN AIR

- **PBAPP menyediakan insentif tunai berjumlah RM19,750 kepada “sekolah hijau” dan organisasi untuk melaksanakan projek pemuliharaan air.**

PULAU PINANG, Khamis, 21.11.2019: 18 buah sekolah “hijau” dan 6 organisasi menerima insentif tunai berjumlah RM19,750 dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) untuk usaha pemuliharaan air mereka hari ini.

Para penerima adalah peserta program "Aqua Save School Penang Penang Green" PBAP dan inisiatif pemuliharaan air “Aqua Save” dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penang Green Council (PGC).

YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, menyampaikan ganjaran kepada penerima pada “Majlis Anugerah Hijau Pulau Pinang 2019” yang diadakan di Hotel Wembley di sini hari ini.

Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, yang turut hadir pada majlis itu, berkata:

“Pulau Pinang merupakan negeri yang berjaya, tetapi kita harus ingat bahawa kita juga adalah negeri yang mengalami kekurangan air. Kawasan geografi kita hanya 1,048 km persegi. Dengan kawasan tanah yang terhad, kita mempunyai sumber air mentah yang terhad.

“Namun, penggunaan air domestik per kapita kita adalah yang tertinggi di Malaysia. Pada tahun 2018, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang adalah 278 liter/kapita/hari (l/k/h), berbanding purata negara 210 l/k/h. Sementara itu, Singapura mencapai 143 l/k/h pada tahun 2017.”

Beliau berkata PBAPP sentiasa menaik taraf infrastruktur bekalan air untuk menampung permintaan air di Pulau Pinang. “Bagaimanapun,



perbelanjaannya adalah tinggi dan mencecah beratus-ratus juta ringgit. Harap maklum bahawa pelaburan infrastruktur air yang tinggi akhirnya membawa kepada tarif air yang tinggi,” tambah beliau.

Dato’ Ir. Jaseni menggalakkan orang ramai dan perniagaan di Pulau Pinang untuk berhemat menggunakan air .

“Jika anda dapat mengurangkan penggunaan air anda, kami dapat mengurangkan perbelanjaan untuk projek infrastruktur air baru. Kami menamakan ini pengurusan permintaan. Ia adalah cara yang lebih murah, lebih hijau dan kurang membazir untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik untuk semua di Pulau Pinang pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata pemuliharaan air awam adalah “cara hijau” untuk memastikan bahawa negeri mempunyai air yang mencukupi untuk mencapai Visi Pulau Pinang 2030 menjadi “negeri berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar untuk inspirasi negara”.

PBAPP melancarkan inisiatif “Aqua Save” pada tahun 2009.

“Aqua Save adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk mempromosikan konsep pemuliharaan air di sekolah, tempat kerja dan premis organisasi di Pulau Pinang. Kami percaya dengan menggalakkan ramai orang Pulau Pinang untuk jimat air, di sebanyak mungkin tempat; supaya lebih ramai orang boleh membina sikap jimat air, 24/7,” kata Dato’ Ir. Jaseni.

Organisasi yang ingin memohon pensijilan “Aqua Save” boleh menghubungi Jabatan Kualiti, Keselamatan & Kesihatan PBAPP (tel no: 04 200 6688).

18 “sekolah hijau” yang menerima insentif tunai berjumlah RM14,250.00 telah menerima program “Aqua Save” sebagai sebahagian daripada kriteria penilaian mereka dalam “Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang” 2019 PGC.

Sementara itu, 6 organisasi yang menerima insentif tunai berjumlah RM5,500 hari ini adalah organisasi yang berjaya memperbaharui sijil “Aqua Save” dua tahun mereka dengan PBAPP. Pada tahun ini, 18 organisasi lain juga menerima pensijilan “Aqua Save” baharu.

(Sila rujuk “Appendix A” untuk senarai nama penerima insentif “Aqua Save”.)

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



APPENDIX A:

PENERIMA INSENTIF TUNAI “AQUA SAVE” 2019

	SEKOLAH	
1	SK Kebun Sireh	RM1,000.00
2	SK Taman Impian	RM750.00
3	SJK (C) Eng Chuan	RM250.00
4	SJK (C) Lee Chee	RM750.00
5	SJK (C) Eok Hua	RM250.00
6	SMK Convent Butterworth	RM1,000.00
7	SMK Convent Lebu Light	RM750.00
8	SMK Sungai Nibong	RM1,000.00
9	SMK Berapit	RM1,000.00
10	SMK Convent Pulau Tikus	RM750.00
11	SJKC Kong Min Caw. Ke2	RM1,000.00
12	SMK Pokok Sena	RM1,000.00
13	SMK Guar Perahu	RM1,000.00
14	SJKC Mak Mandin	RM750.00
15	SMK (P) Methodist	RM1,000.00
16	SJKC Sin Min	RM250.00
17	SMK Westlands	RM750.00
18	SK Sungai Nibong	RM1,000.00



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



	ORGANISASI	
1	Jabatan Perancang Ekonomi Negeri	RM1,500.00
2	Cradotex (M) Sdn Bhd	RM500.00
3	Sony EMS (Malaysia) Sdn Bhd	RM2,000.00
4	Jab. Perkhidmatan MBPP	RM500.00
5	Jinko Solar Technology Sdn Bhd	RM500.00
6	Furutec Electrical Sdn Bhd	RM500.00



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



ORGANISASI BAHARU PENSIJILAN AQUA SAVE 2019

1	The Light Hotel (M) Sdn. Bhd.	10	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Jabatan Perbendaharaan MBPP)
2	Molex (Malaysia) Sdn. Bhd.	11	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Unit Hasil)
3	Olive Tree Concepts Sdn. Bhd.	12	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Unit Kawalan Vektor & Veterinar)
4	Cycle Trend Industries Sdn. Bhd.	13	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan
5	Church of Divine Mercy	14	Japan Malaysia Technical Institute
6	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	14	Dell Global Business Centre Sdn. Bhd. (Bukit Mertajam)
7	Majlis Bandaraya Pulau Pinang- Bahagian Mekanikal & Elektrikal	16	Dell Global Business Centre Sdn. Bhd. (Bayan Lepas)
8	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	17	Bahagian Kerajaan Tempatan
9	Kalyx Consultants Sdn. Bhd.	18	IHS Markit (Malaysia) Sdn. Bhd.



21.11.2019 : "Green Pinang Awards Ceremony 2019"
CASH REWARDS FROM PBAPP FOR SAVING WATER